



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**SCHOOL OF COMPUTING**  
Faculty of Engineering

**Tugasan Kumpulan**  
UHMS1172 DINAMIKA MALAYSIA  
SEMESTER I, SESI 2019/2020

**Topik: Perlembagaan Malaysia**

**Pensyarah: Dr Muhammad Abd Hadi Bin Bunyamin**

Nama	No. Kad Matrik
SEE WEN XIANG	A19EC0206
RICKY A/L KARUNAKARAN	A19EC0155
WAN LUQMAN BIN WAN ZULLKEFLI	A19EC0209

Seksyen: 21

Program: SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)

# Isi Kandungan

1.0	Pengenalan Perlembagaan .....	1
2.0	Kepentingan Perlembagaan .....	5
3.0	Metodologi Kajian .....	7
4.0	Analisis Data Kajian .....	8
5.0	Langkah untuk meningkatkan pengetahuan Perlembagaan.....	10
6.0	Kepentingan Masyarakat berpengetahuan tentang Perlembagaan dan hak asasi manusia.....	11
7.0	Kesimpulan .....	12
8.0	Senarai Rujukan.....	13

## **1.0 Pengenalan Perlembagaan**

Perlembagaan persekutuan yang turut dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan 1948 merupakan sebuah undang-undang tertinggi di Malaysia. Perlembagaan ini merupakan sebuah dokumen undang-undang bertulis yang dibentuk daripada dua dokumen yang dicipta terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957. Terdapat sebanyak 15 bahagian dan 183 perkara yang tercatat di dalam Perlembagaan Malaysia. Jadual berikut menunjukkan aspek yang dibincang mengikut bahagian dalam perlembagaan.

Jadual 1.1: Ringkasan Kandungan bahagian Perlembagaan Malaysia

Bahagian 1	Negeri-negeri, agama dan undang-undang persekutuan
Bahagian 2	Kebebasan asas
Bahagian 3	Kewarganegaraan
Bahagian 4	Persekututan
Bahagian 5	Negeri-negeri
Bahagian 6	Perhubungan antara persekutuan dan negeri-negeri
Bahagian 7	Peruntukan-peruntukan kewangan
Bahagian 8	Pilihanraya
Bahagian 9	Kehakiman
Bahagian 10	Perkhidmatan awam
Bahagian 11	Kuasa-kuasa khas menentang kuasa subversif dan darurat
Bahagian 12	Am dan pelbagai
Bahagian 12A	Perlindungan tambahan bagi negeri Sabah dan Sarawak
Bahagian 13	Peruntukan sementara
Bahagian 14	Perkecualian bagi kedaulatan raja-raja dan sebagainya
Bahagian 15	Prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja

Setiap perkara dan bahagian yang terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia mempunyai ciri-ciri dan isu-isu mereka sendiri. Sebagai contoh, perkara 3 dalam bahagian 1 mencatatkan bahawa Agama Islam merupakan agama rasmi bagi Persekutuan namun agama-agama lain bebas untuk diamalkan di Malaysia manakala bahagian 3 menceritakan tentang kewarganegaraan Malaysia. Bahagian 3 telah mencatatkan bahawa terdapat 4 cara bagi seseorang untuk mendapatkan kewarganegaraan iaitu dengan cara kuatkuasa undang-undang, pendaftaran, naturalisasi dan penggabungan wilayah. Berdasarkan Perkara 15, seseorang boleh mendapatkan kewarganegaraan melalui pendaftaran (isteri dan anak warganegara) dengan syarat-syarat tertentu seperti mengikuti kandungan yang terdapat di dalam perkara 18 iaitu seorang perempuan boleh didaftarkan sebagai seorang warganegara sekiranya mereka bersuami dengan seorang warganegara Malaysia ataupun sekiranya dapat memuaskan hati Kerajaan Persekutuan. Pemohon mestilah sudah bermastautin di Persekutuan selama dua tahun dan mesti berkelakuan baik.

Sebelum kita mengulas dengan lebih lanjut tentang perlembagaan Malaysia lebih baik sekiranya kita mengenali dahulu sedikit sejarah mengenai perlembagaan. Pada mulanya, kerajaan telah merangka perlembagaan berdasarkan nasihat Suruhanjaya Raid. Selepas itu, satu rombongan daripada Persekutuan Malaya yang terdiri daripada empat wakil pemerintah, iaitu ketua Menteri Persekutuan iaitu Tunku Abdul Rahman yang merupakan bapa kemerdekaan, dan tiga menteri lain telah mengadakan persidangan perlembagaan di London. Persidangan ini turut dihadiri oleh wakil daripada Britain. Namun, Perlembagaan Malaysia yang kita kenali sekarang tidak sama kandungannya dengan Perlembagaan Malaysia pada tahun 1959 kerana menurut pakar perlembagaan Shad Saleem Faruqi, perlembagaan ini telah dipinda sebanyak 42 kali semenjak 48 tahun selepas kemerdekaan sehingga pada tahun 2005 (Heng & Khor, 2016). Dalam perkara 159 dan 161E, terdapat empat langkah yang boleh digunakan untuk meminda perlembagaan. Langkah yang pertama untuk meminda perlembagaan ialah pindaan memerlukan sokongan majoriti dua per tiga ahli parlimen Malaysia dan mendapat perkenan daripada Majlis Raja-Raja. Pindaan turut boleh dilakukan melalui sokongan majoriti dua per tiga ahli Parlimen Malaysia dan mendapat persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak. Perlembagaan turut boleh dipinda melalui sokongan majoriti mudah satu per dua (majoriti) ahli Parlimen dan melalui sokongan majoriti dua per tiga ahli Parlimen Malaysia.

Pada 16 Julai 2019, pindaan terhadap perenggan (a) Fasal 1 Perkara 119 telah diluluskan dengan sokongan majoriti lebih dua per tiga ahli Parlimen (211 orang ahli Parlimen bersetuju). Disebabkan pindaan ini berjaya diluluskan maka had usia rakyat untuk mengundi diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun (Harian, 2019).

Untuk menunjukkan ketinggian Perlembagaan Malaysia, di negara kita Malaysia, tiada sebarang institusi yang akan mampu untuk mengalahkan ketinggian dan kuasa Perlembagaan Malaysia. Hal ini demikian kerana, perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi jadi setiap pertikaian yang berlaku dalam bidang undang-undang harus merujuk kepada Perlembagaan Malaysia. Peranan YDPA turut tertakluk di dalam perlembagaan. Selain itu, sesuatu perkara turut boleh diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah sekiranya didapati bahawa undang-undang persekutuan atau negeri mengenai undang-undang tersebut berlawanan dengan perkara yang terdapat di dalam perlembagaan. Hal ini demikian kerana, sudah terang lagi bersuluh bahawa perlembagaan telah memperuntukkan dengan nyata dalam Perkara 4(1) iaitu perlembagaan merupakan undang-undang utama persekutuan Malaysia dan undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan telah dibuktikan tidak sah.

Selain itu, ketinggian perlembagaan boleh dilihat melalui peruntukan parlimen. Kuasa perlembagaan akan menentukan parlimen yang akan dibentuk disamping memberikan kuasa kepada perundangan negara kita. Kuasa perlembagaan turut akan menentukan perkara-perkara persekutuan bagi kerajaan persekutuan dan perkara-perkara negeri bagi kerajaan negeri. Parlimen hanya dapat membuat undang-undang persekutuan yang tidak berlawanan dengan apa-apa kandungan yang terdapat di dalam perlembagaan seperti yang terdapat di dalam perkara 4(1). Oleh itu, parlimen tidak boleh terlibat dalam pembentukan undang-undang di luar perkara persekutuan kerana sekiranya mana-mana undang tersebut dilaksanakan maka ianya menjadi tidak sah. Seterusnya, kedudukan YDPA turut telah menunjukkan ketinggian Perlembagaan Malaysia. Baginda yang merupakan ketua negara, ketua parlimen, ketua pemerintah turut perlu mematuhi peraturan dan halangan yang telah dikenakan oleh perlembagaan. Oleh itu, negara kita telah mencipta konsep raja berperlembagaan, iaitu sebuah konsep dimana kuasa raja hanya tertakluk terhadap perlembagaan sahaja dan tidak boleh memerintah secara mutlak iaitu secara monarki.

Selain itu, perkara tentang undang-undang bukan sahaja telah dicatatkan di dalam perlembagaan malah perkara tentang hak asasi manusia turut telah dicatatkan di dalam Perlembagaan Malaysia. Dalam bahagian 2, iaitu bahagian kebebasan asasi, terdapat 9 hak utama yang diberi oleh Perlembagaan kepada rakyat. Berdasarkan perkara 7(2), rakyat yang telah diberikan kebebasan daripada melakukan sesuatu kesalahan tidak boleh dituduh dan dibicarakan semula di dalam mahkamah melainkan sekiranya mahkamah menyuruh kes tersebut untuk dibicarakan semula ataupun sekiranya pembebasan ditarik balik. Selain itu, berdasarkan perkara 12(3), setiap orang berhak untuk mempelajari atau menerima ajaran agama masing-masing maka setiap orang diberikan hak untuk memilih agama masing-masing tanpa perlu dipaksa oleh orang lain. Perkara ini sebenarnya perlu dibaca sekali dengan perkara 12(4) yang mengatakan bahawa ibu bapa atau penjaga boleh menetapkan agama anaknya sekiranya mereka masih berumur lapan belas tahun kebawah.

## **2.0 Kepentingan Perlembagaan**

Terdapat pelbagai kepentingan Perlembagaan Malaysia yang menyebabkan negara kita aman dan damai pada masa kini. Antara kepentingan perlembagaan ialah dapat menjamin kestabilan negara. Hal ini demikian kerana perlembagaan merupakan asas terhadap pembentukan pentadbiran serta penggubalan undang-undang di negara kita. Maka setiap perkara yang dilakukan oleh sesetengah pihak mahupun individu perlu merujuk perlembagaan. Hal ini menyebabkan pentadbiran dan pemerintahan yang berlaku di negara kita menjadi semakin licin dan stabil di samping dapat menjamin kestabilan negara. Perpaduan antara rakyat turut dapat dijalinan melalui Perlembagaan Malaysia. Sebagai contoh, perlembagaan mengandungi unsur-unsur yang dapat menjadi salah satu cara untuk memupuk semangat perpaduan di antara masyarakat berbilang kaum.

Selain itu, perlembagaan turut merupakan salah satu cara untuk menjamin taat setia rakyat terhadap negara kita. Rakyat di negara kita telah disemai dengan semangat patriotisme di dalam diri mereka supaya mempunyai sifat sayang akan negara. Perlembagaan Malaysia yang telah dibuat mengandungi pelbagai kandungan yang menyuruh rakyat kita supaya taat setia kepada negara. Contohnya, di dalam perkara 24 sudah dinyatakan bahawa seseorang yang mempunyai kerakyatan negara lain boleh dilucutkan kewarganegaraan manakala Perkara 25 menyatakan bahawa mana-mana warganegara boleh dilucutkan kewarganegaraan jika terbukti tidak setia terhadap negara Malaysia supaya rakyat di negara kita dapat memberikan ketaatan terhadap tanah air Malaysia. Kita turut tidak mahu ada rakyat di dalam negara kita yang menjadi duri di dalam daging dengan sengaja membocorkan kelemahan negara kita serta memberi ancaman terhadap keselamatan negara kita.

Di samping itu, perpaduan turut dapat untuk disemai melalui Perlembagaan Malaysia. Hal ini demikian kerana, perlembagaan dapat menjamin hak istimewa orang Melayu dan bumiputera. Pada mulanya, ramai orang melayu tidak bersetuju dengan kandungan yang terdapat di dalam perlembagaan kerana merasakan hak mereka telah diambil. Hal ini demikian kerana status orang melayu sebagai penduduk bumiputera telah dilupakan dengan adanya imigrasi luar seperti Cina dan India yang turut telah distatuskan sebagai penduduk bumiputera. Oleh itu, untuk memuaskan hati semua pihak, Perlembagaan Malaysia telah mewujudkan satu unsur yang menjamin hak istimewa orang Melayu. Antara hak istimewa orang melayu ialah jawatan dalam kerajaan, peruntukan biasiswa, bantuan ekonomi dan hak orang melayu untuk mendapat tanah. Perlembagaan turut telah menjadikan penduduk Cina dan India sebagai warganegara Malaysia. Perpaduan turut dapat dijalinan melalui Perkara 152 yang menetapkan bahawa bahasa melayu perlu diterima sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini demikian kerana, para pemimpin sedar bahawa perlu adanya bahasa kebangsaan yang boleh digunakan sebagai bahasa perantaraan oleh orang umum untuk menyatukan rakyat berbilang kaum tanpa menjejaskan penggunaan bahasa ibunda kaum lain.

Akhir sekali, kestabilan politik turut merupakan salah satu kepentingan perlembagaan. Perlembagaan telah menentukan peranan Yang Di-Pertuan Agung pada masa kini yang merupakan ketua hakim dan ketua agama islam di negara kita. Selain itu, ia turut mewujudkan kerjasama antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri. Tiga badan kerajaan turut telah diwujudkan dan setiap badan telah diberi tanggungjawab yang berbeza. Sebagai contoh, tiga badan kerajaan yang telah diwujudkan ialah badan perundangan, badan kehakiman dan juga badan eksekutif. Ia turut telah menetapkan bidang kuasa kerajaan melalui senarai persekutuan, senarai negeri dan senarai bersama. Perlembagaan turut telah dijadikan salah satu bahan rujukan dalam menggubal undang-undang persekutuan dan negeri. Maka, jelaslah disini bahawa Perlembagaan Malaysia merupakan panduan kerajaan dalam menjalankan pemerintahan disamping mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa pemerintahan.



### **3.0 Metodologi Kajian**

Untuk menyiasat tahap pengetahuan mahasiswa terhadap Perlembagaan Malaysia dan hak asasi manusia, kami telah menjalankan satu kajian dengan menggunakan Google Forms.

Situasi-situasi yang berkaitan dengan kehidupan harian telah kami persoalkan di dalam borang kajian kami. Cara pertanyaan adalah berbentuk aneka pilihan (4 pilihan) dan pertanyaan betul atau salah.

Kami telah mengedarkan dan menyebarkan borang soal selidik menggunakan aplikasi Whatsapp (aplikasi sosial media telefon pintar) dan menghantar borang tersebut kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia. Untuk memastikan semua penjawab merupakan mahasiswa, soalan pertama yang disoalkan di dalam borang soal selidik adalah pertanyaan tentang identiti penjawab sama ada mahasiswa atau bukan mahasiswa. Kami hanya mengambil kira maklumat dan data daripada 50 orang penjawab pertama sahaja di dalam kajian kami.

Untuk menilai dan mengukur pemahaman mahasiswa mengenai perlembagaan negara dan hak asasi manusia, kami telah mengira bilangan soalan yang dapat dijawab dengan betul dan purata bilangan soalan yang dijawab dengan betul dikira untuk menentukan tahap pengetahuan dengan menggunakan ukuran bawah.

Jadual 3.1: Ukuran Tahap Pengetahuan

Bilangan soalan yang dijawab dengan betul (soalan)	Tahap pengetahuan
0 hingga 2	Sangat Rendah
3 hingga 4	Rendah
5 hingga 6	Sederhana
7 hingga 8	Tinggi
9 hingga 10	Sangat Tinggi

#### **4.0 Analisis Data Kajian**

Sebanyak 10 soalan telah disoalkan di dalam borang soal selidik kajian kami ( Soalan tentang identiti penjawab tidak terkandung).Jadual berikut merupakan ringkasan keputusan soal selidik.


Jadual 4.1: Keputusan soal selidik mengikut soalan

No.	Soalan	Bilangan mahasiswa dengan jawapan betul
1.	Perlembagaan Malaysia mengandungi beberapa perkara?	22 orang
2.	Berdasarkan Perlembagaan Malaysia, agama Islam merupakan agama Rasmi Malaysia.	10 orang
3.	Berapakah cara seseorang boleh mendapatkan kewarganegaraan Malaysia berdasarkan perlembagaan Malaysia?	15 orang
4.	Seorang wanita telah berkahwin dan bermastautin (tinggal) di Malaysia dengan seorang warganegara lelaki selama 18 bulan, adakan wanita itu layak mendapat kewarganegaraan Malaysia melalui cara pendaftaran?	20 orang
5.	Pindaan Perlembagaan boleh dibahagi kepada :	10 orang
6.	Malaysia telah mengumumkan bahawa umur bagi rakyat mengundi dikurangkan kepada umur 18 tahun, adakan ini satu pindaan Perlembagaan?	35 orang
7.	Dalam perlembagaan Malaysia, sebanyak — perkara menyentuh hak asasi manusia.	20 orang
8.	Jessica dituduh atas membunuh abangnya untuk mendapat pampasan insurans , tetapi Jessica dibebaskan dalam perbicaraan itu kerana bukti tidak cukup. Adakah Jessica terlindung daripada perbicaraan semula kes itu atas nama yang sama jika keputusan perbicaraan tidak dibatalkan?	30 orang
9.	Jessica merupakan mangsa keganasan rumah tangga, adakah dia berhak mendapat Perintah Perlindungan Kecemasan tanpa membuat laporan polis?	30 orang
10.	Agama A dan Agama B bebas dalam Malaysia. Jessica sekarang berumur 17 tahun, dia ingin percaya kepada agama A, tetapi ibu bapa Jessica menetapkan Jessica supaya percaya kepada Agama B, adakan Jessica berhak untuk percaya Agama A?	10 orang
Jumlah	50 penjawab x 10 soalan =500 soalan	202 soalan

Jaduan dan Carta Pai bawah menunjukkan tahap pengetahuan secara individu

Jadual 4.2: Keputusan Soal Selidik Mengikut Tahap

Bilangan soalan yang dijawab dengan betul (soalan)	Bilangan mahasiswa (orang)
0 hingga 2	8
3 hingga 4	25
5 hingga 6	14
7 hingga 8	3
9 hingga 10	0



Gambar 4.1: Tahap Pengetahuan Mahasiswa tentang Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia

Secara keseluruhannya, ketepatan penjawab menjawab borang soal selidik adalah sebanyak 40.4% dan purata bilangan soalan yang dijawab dengan betul ialah 4.04 soalan.

Oleh itu, kami mendapati bahawa tahap pengetahuan mahasiswa terhadap perlembagaan dan hak asasi manusia adalah rendah.

## **5.0 Langkah untuk meningkatkan pengetahuan Perlembagaan.**

Bagi meningkatkan pengetahuan Perlembagaan dalam kalangan masyarakat, pihak kerajaan boleh mengubahsuai kedudukan Perlembagaan dalam sistem pendidikan. Sistem pendidikan Malaysia adalah pendidikan berorientasikan peperiksaan( cramming education). Di dalam sistem pendidikan ini, Perlembagaan hanya difahamkan dan dihafal untuk menghadapi peperiksaan sekolah sahaja. 50 orang penjawab kajian kami semuanya adalah mahasiswa daripada sistem pendidikan ini. Daripada kajian kami, kami mendapati bahawa pengetahuan Perlembagaan dalam kalangan mahasiswa adalah sangat rendah. Disebabkan ini, sistem pendidikan yang sedia ada terbukti tidak dapat untuk meningkatkan pengetahuan Perlembagaan dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, berdasarkan kajian kami, hanya 40.4% sahaja jawapan berkaitan perlembagaan yang dijawab dengan betul oleh mahasiswa pada masa kini. Oleh itu, sekiranya mahasiswa tersebut menghadapi situasi yang melibatkan pengetahuan tentang perlembagaan, mereka tidak dapat untuk mempertahankan hak mereka dengan betul. Maka, jelaslah di sini bahawa pembelajaran perlembagaan bukan sahaja bertujuan untuk menghadapi peperiksaan sahaja malah ilmu daripada pembelajaran perlembagaan turut dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Jadi, kita sebagai rakyat Malaysia wajarlah mementingkan kefahaman terhadap perlembagaan di dalam sistem pendidikan hari ini.

Seterusnya, pihak kerajaan boleh mewujudkan “Hari Perlembagaan” bagi menggalakkan dan membantu rakyat Malaysia memahami Perlembagaan. Hal ini dapat meningkatkan kesedaran Perlembagaan dalam kalangan rakyat. Dengan mewujudkan “Hari Perlembagaan”, kerajaan dapat membekalkan satu platform kepada rakyat untuk memahami perkara-perkara asas yang perlu diketahui berkaitan Perlembagaan Malaysia. Jelaslah disini bahawa bukan peguam sahaja yang perlu mengetahui perkara yang terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia, tetapi rakyat turut perlu untuk mengetahui perkara asas seperti hak asasi manusia yang terkandung di dalam Perlembagaan. Aktiviti seperti kempen kesedaran boleh diadakan pada Hari Perlembagaan untuk menyemai ilmu tentang perlembagaan. Kita boleh mengadakan Hari Perlembagaan dengan mencontohi Hari Sukan Negara kerana kejayaan acara tersebut untuk memupuk semangat bersukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, Hari Perlembagaan akan dapat meningkatkan kesedaran rakyat terhadap perlembagaan.

## **6.0 Kepentingan Masyarakat berpengetahuan tentang Perlembagaan dan hak asasi manusia**

Jika masyarakat pada masa kini berpengetahuan tentang perlembagaan dan hak asasi manusia, isu penyalahgunaan kuasa akan dikurangkan. Hal ini demikian kerana semua rakyat memahami hak yang diberi kepada mereka. Sebagai contoh, rakyat berhak memohon bantuan peguam sekiranya dituduh atas sesuatu kesalahan. Sebelum keputusan perbicaraan kesalahan itu diumumkan, rakyat yang didakwa dikira tidak bersalah. Dengan pengetahuan ini, rakyat dapat membantu diri mereka sendiri apabila pihak polis atau pihak pendakwa menyalahgunakan kuasa mereka. Oleh itu, rakyat yang berilmu tidak akan menjadi mangsa kes penyalahgunaan kuasa.

Seterusnya, pengundi yang bijak di dalam pilihanraya Malaysia akan dibentuk. Pilihanraya merupakan satu proses penting di dalam sebuah negara demokrasi kerana pilihanraya merupakan satu proses untuk memilih ahli perlimen dan menentukan parti politik yang akan mentadbir negara. Perfahaman terhadap peranan dan tanggungjawab ahli parlimen serta peraturan perlembagaan amat penting dalam membuat keputusan yang bijak. Calon yang diundi bukan sahaja bertujuan untuk menentukan parti yang akan mentadbir negara pada masa akan datang malah turut akan menentukan siapa yang akan mengambil bahagian dan peranan di dalam meluluskan pindaan Perlembagaan dan perancangan dasar negara.

## **7.0 Kesimpulan**

Kesimpulannya, perlembagaan merupakan asas kepada sesebuah negara. Perlembagaan memainkan peranan penting dalam melindungi hak rakyat dan juga menjadi panduan untuk penggubalan undang-undang baru. Perlembagaan akan mencatat semua unsur asas negara kita. Dengan memahami Perlembagaan, kita akan dapat memahami struktur negara kita sendiri. Setiap perkara di Perlembagaan mempunyai rasionalnya maka memahami dan mengikuti Perlembagaan merupakan tanggungjawab setiap rakyat Malaysia. Kami berharap agar semua rakyat dapat memahami bahawa semua hak yang diberi bukan sudah tersedia dengan sendiri kerana setiap hak yang wujud pada masa kini sebenarnya telah diperjuangkan oleh ramai tokoh politik. Kita menikmati hak-hak tersebut kerana hak itu telah dicatatkan di dalam Perlembagaan. Oleh itu, kita wajarlah sentiasa bersyukur kerana kita dilindungi oleh hak-hak tersebut.

Kajian yang telah kami lakukan hanya melibatkan mahasiswa Malaysia yang telah berpendidikan selama sekurang-kurangnya 10 tahun. Namun, hasil daripada kajian kami menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mereka terhadap perlembagaan dan hak asasi manusia adalah sangat rendah. Oleh itu, pihak berkuasa seperti Kementerian Malaysia dan pihak media sosial wajarlah mengambil tindakan untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap Perlembagaan Malaysia.

## **8.0 Senarai Rujukan**

Harian, B. (2019, Julai 16). *Berita Harian Online*. Didapatkan Disember 14, 2019, daripada RUU Perlembagaan (Pindaan) 2019 lulus: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/585789/ruu-perlembagaan-pindaan-2019-lulus>

Heng, O., & Khor, E. (2016, September 13). *Malaysia Kini*. Didapatkan Disember 15, 2019, daripada Tubuh Suruhanjaya Diraja kaji kesan pindaan perlembagaan: <https://m.malaysiakini.com/news/355513>

Malaysia. (2005). *Perlembagaan Persekutuan: (Hingga 1hb. November 2010)*. Petaling Jaya: International Law Book Services.